

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

AKP300 - PENGURUSAN KEWANGAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja. Anda boleh pilih mana-mana soalan yang dikehendaki.

Soalan 1

Dalam satu Mesyuarat Lembaga Pengarah sebuah Syarikat AKU Bhd. persetujuan telah dicapai bahawa matlamat koperat hendaklah memaksimumkan kekayaan pemegang saham. Berikut ialah data bagi Syarikat AKU itu.

Tahun berakhir pada 31 Disember

	<u>1988</u>	<u>1989</u>	<u>1990</u>	<u>1991</u>	<u>1992</u>
Perolehan sesaham selepas cukai (sen)	28.42	9.2	27.0	30.2	35.4
Dividen sesaham bersih (sen)	7.1	7.1	7.1	8.0	8.4
Harga saham (RM):					
Sebelum istihar dividen	2.30	2.38	2.10	1.80	1.75
Selepas istihar dividen	2.30	2.36	2.09	1.79	1.77
Tanpa dividen (ex-dividen)	2.24	2.31	2.03	1.72	1.85

Juru analisis pelaburan membuat komen di dalam akbar bahawa dividen yang diistihar dalam tahun 1989 dan 1990 adalah berkurangan, tetapi bukan di luar dugaan pasaran. Sementara pertambahan di dalam tahun 1992 adalah begitu signifikan.

- (i) Dengan menggunakan data di atas, cuba beri nasihat kepada lembaga pengarah Syarikat AKU tentang jumlah nilai kekayaan yang diperolehi oleh pemegang saham.

...2/-

- (ii) Terangkan peranan pengurusan kewangan di dalam proses pengurusan koperat.
- (iii) Huraikan polisi dividen yang sesuai untuk memaksimumkan kekayaan pemegang saham.

[20 markah]

Soalan 2

Kedudukan Lembaran Imbangan Syarikat ABC pada 31 Disember 1993 adalah seperti berikut:

	(RM000)
Modal, 4,500,000 saham biasa, RM1.00 sesaham	4,500
Perolehan tertahan	3,000
Pinjaman	6,000
Jumlah modal yang diguna (nilai buku bersih)	<u>13,500</u>

Jumlah keuntungan pada tahun berakhir 31 Disember, setelah ditolak faedah pinjaman sebanyak RM6,000,000, ialah RM1,860,000. Peruntukan cukai bagi keuntungan tersebut ialah RM780,000.

Lembaga Pengarah Syarikat sedang mengkaji peluang pelaburan, khususnya mengenai:

- (a) Satu projek yang menelan perbelanjaan sebanyak RM3,000,000, yang dapat memberi keuntungan tahunan selepas cukai sebanyak RM450,000.
- (b) Satu projek yang terlibat kos sebesar RM4,500,000, yang dapat menghasilkan untung tahunan, RM540,000.
- (c) Satu projek yang memberi pulangan tahunan, RM607,500 dan memerlukan modal sebanyak RM6,750,000.

Pihak syarikat bercadang hendak mengeluarkan terbitan hak untuk membiayai kos bagi salah satu projek di atas.

...3/-

Beri pandangan anda kepada Lembaga Pengarah Syarikat itu mengenai perkara berikut:

- (i) Pihak Lembaga Pengarah Syarikat bercadang supaya saiz modal pasaran syarikat (market capitalisation) bertambah sekurang-kurangnya pada paras terbitan hak. Sekiranya nilai semasa nisbah harga perolehan (P/E) untuk industri ini ialah 8.33, berapa banyakkah jumlah modal maksimum yang harus diperolehi melalui terbitan hak?
- (ii) Setelah mengetahui jumlah terbitan hak yang hendak dikeluarkan, huraikan faktor yang mempengaruhi jumlah dan harga saham terbitan tersebut. Secara teori, berapakah nilai hak sekiranya saham baru melalui terbitan hak dikeluarkan dengan harga RM1.50 seunit?

[20 markah]

Soalan 3

"Using the Discounted Cash Flow Yield (Internal Rate of Return) for evaluating investment opportunities has the basic weakness that it does not give attention to the amount of the capital investment, in that a return of 20% on an investment of \$1,000 may be given a higher ranking than a return of 15% on an investment of \$10,000"

(J F Weston & T E Copeland)

Beri komen kenyataan di atas dengan merujuk kepada isu menyusun keutamaan (ranking) cadangan projek di dalam belanjawan modal. Maklumat berikut dapat membantu jawapan anda.

- (a) Aliran wang tunai

Tahun	Projek A (\$)	Projek B (\$)
1	240	2,300
2	288	2,640
3	346	3,040
4	414	3,500
5	498	4,020
Modal	1,000	10,000
Kos modal	10%	10%

...4/-

(b) Faktor nilai masa kini

Tahun	10%	15%	20%
1	0.909	0.870	0.833
2	0.826	0.756	0.694
3	0.751	0.658	0.579
4	0.683	0.572	0.482
5	0.621	0.497	0.402

ATAU

Lamda Bhd bercadang hendak melabur modal di dalam satu projek baru supaya portfolio projek yang dikendali sekarang dapat menambahkan hasil. Untuk menentukan risiko bagi pulangan pelaburan baru dan portfolio sekarang, syarikat tersebut membuat ramalan 6 kemungkinan kedudukan ekonomi seperti di bawah:

Kedudukan Ekonomi	Keberangkalian	Pulangan portfolio sekarang (%)	Pulangan projek baru (%)
1	0.1	12	14
2	0.2	14	10
3	0.2	15	12
4	0.3	16	10
5	0.1	18	8
6	0.1	20	6

Anda di kehendaki:

- (i) Guna CAPM (Capital Asset Pricing Model) sebagai teknik analisis dan beri nasihat kepada syarikat tersebut sama ada pelaburan baru itu boleh diterima atau tidak. Kadar pulangan harta bebas risiko ialah 20%.
- (ii) Terangkan perbezaan di antara CAPM dan teori "Markowitz's mean-variance portfolio" di dalam kontek belanjawan modal.

[20 markah]

...5/-

Soalan 4

Pilih LIMA daripada konsep berikut, dan buat nota ringkas mengenainya

- (a) Risk-aversion.
- (b) FDI.
- (c) APT.
- (d) LBO.
- (e) Teori MM.
- (f) Cap.
- (g) Efficient Frontier.
- (h) EMH.

[20 markah]

Soalan 5

- (a) Berdasarkan maklumat di bawah apakah implikasi kepada polisi modal kerja?

	Kedudukan sekarang (RM)	Kedudukan rancangan tahun hadapan (budget) (RM)
Jualan	250,111	288,000
Kos jualan	210,000	248,000
Belian	140,000	170,000
Si berhutang (debtors)	31,250	36,000
Si piutang (creditors)	21,000	30,000
Bahan mentah	35,000	60,000
Barang belum siap	17,500	30,000
Barang siap	40,000	43,000

Transaksi jualan dan belian adalah melalui kredit.

- (b) Sekiranya terdapat lebih tunai di dalam belanjawan syarikat anda, huraikan lima peluang pelaburan jangka pendek yang boleh dilakukan. Bincangkan perkara yang harus diberi perhatian di dalam membuat polisi pelaburan jangka masa pendek.

[20 markah]

...6/-

Soalan 6

Data yang diberi untuk Syarikat Kurumaya adalah seperti berikut:

Modal:

500,000 saham biasa, RM1.00 sesaham, dibayar sepenuhnya
150,000 saham utama, 6 % dividen, RM0.50 sesaham, dibayar sepenuhnya

Risab:

Akaun premium saham	RM100,000
Akaun untung dan rugi	240,000

Pinjaman:

125,000 stok pinjaman, RM1.00 seunit, kadar faedah 10%

Harga semasa bagi ketiga jenis sekuriti syarikat tersebut ialah:

Saham biasa	RM1.30 seunit
Saham utama	0.40
Stock pinjaman	1.67

Adalah menjadi amalan syarikat bahawa keseluruhan untung dibayar sebagai dividen, dan kadar dividen untuk saham biasa pada masa ini ialah 20%.

- (a) Cuba anda kira kos purata modal syarikat di atas.
- (b) Huraikan perbezaan di antara kos purata modal dan kos sut modal.

[20 markah]

...7/-

Soalan 7

Syarikat Aman hendak mengambil alih Syarikat Damai melalui pertukaran saham (share swap). Maklumat yang berkaitan dengan dua syarikat tersebut adalah seperti di bawah:

	Aman	Damai
Modal saham biasa		
RM1.00 dibayar sepenuh	RM2,000,000	RM1,500,000
Risab	520,000	140,000
Pinjaman	500,000	100,000
	<hr/>	<hr/>
	RM3,020,000	RM1,740,000
Harta tetap	1,810,000	1,230,000
Harta semasa bersih	1,210,000	510,000
	<hr/>	<hr/>
	RM3,020,000	RM1,740,000
Untung tahunan	RM500,000	RM200,000
Nilai semasa saham biasa	RM3.00	RM1.20

Adalah dijangka bahawa melalui kombinasi perniagaan ini keuntungan akan bertambah sebanyak 10% lebih tinggi daripada jumlah untung kedua syarikat pada masa ini, dan harga saham akan dinilai pada tahap nisbah harga perolehan (P/E) sebanyak 15.

- (a) Cuba anda beri satu cadangan tawaran pertukaran saham yang sesuai. Apakah faktor yang perlu diambil kira semasa membuat perbincangan (negotiation) program pengambilan alih tersebut?
- (b) Bincangkan kesan "synergy" terhadap rancangan percantuman perniagaan (merger).

[20 markah]

...8/-

Soalan 8

Seorang pelabur membeli opsyen panggilan (call option) untuk saham syarikat XYZ sebanyak 100 unit pada enam bulan yang lepas dengan harga RM0.10 seunit. Harga saham syarikat tersebut pada masa itu ialah RM1.10 dan harga kuat kuasa (exercise price) ialah RM1.20. Apabila hampir dengan tarikh luput (expiry) harga saham syarikat tersebut meningkat kepada RM1.35.

- (a) Kira jumlah untung atau rugi daripada pelaburan opsyen di atas. Bandingkan kadar pulangan pelabur tersebut dengan kadar faedah simpanan tetap sebanyak 10 peratus setahun diberi oleh bank.
- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi harga opsyen.

[20 markah]

Soalan 9

Sebuah syarikat di UK, Towntalk Plc, hendak melabur modal di sebuah negara di Dunia Ketiga yang tidak mempunyai pertukaran wang asing. Wang Amerika (US\$) boleh di guna secara meluas di negara tersebut. Maklumat projek dan perkara yang berkaitan adalah seperti berikut:

Projek:

Jumlah modal	\$12,000,000
Hayat hidup projek	3 tahun
Nilai sisa	\$3,000,000
Aliran tunai operasi (sebelum cukai)	\$16,000,000

Kewangan:

Keseluruhan kos projek dibiayai oleh syarikat di UK melalui sumber ekuiti
Beta bagi ekuiti Towntalk = 1.2
Nisbah ekuiti dan pinjaman bagi Towntalk = 33.3 %

Risiko:

Projek mempunyai faktor sensitiviti hasil = 1.6
Faktor leveraj operasi (operational gearing) untuk projek dianggar = 1.8, dan untuk Towntalk = 1.2
Kadar pulangan bagi Indeks FTSE = 16%
Kadar pulangan harta bebas risiko di UK = 8%

...9/-

Cukai:

Cukai koperat di UK = 35% (payable one year in arrears)

Cukai koperat di negara tuan rumah = 20% (dibayar setiap akhir tahun)

Di negara tuan rumah mengamalkan metod susutnilai garis lurus

Pelabur luar negeri boleh membawa pulang untung selepas cukai sebanyak 50% setiap tahun, dan bakinya dibenarkan pada akhir hayat hidup projek berkenaan

Kadar Tukaran Asing:

Nilai semasa kadar pertukaran ialah 2 US dollar bagi 1 pound Sterling (spot rate).

Ringgit Amerika dijangka naik pada kadar 5% setahun dalam beberapa tahun akan datang.

Faktor nilai masa kini								
Tahun	10%	11%	12%	13%	14%	15%	16%	17%
1	0.909	0.901	0.893	0.885	0.877	0.870	0.862	0.855
2	0.826	0.812	0.797	0.783	0.769	0.756	0.743	0.731
3	0.751	0.731	0.712	0.693	0.675	0.658	0.641	0.624
4	0.683	0.659	0.636	0.613	0.592	0.572	0.552	0.534
5	0.621	0.593	0.567	0.543	0.519	0.497	0.476	0.456

- (i) Cuba anda buat perhitungan sama ada projek itu memberi keuntungan kepada pemegang saham di UK.
- (ii) Apakah yang dimaksudkan dengan pendedahan tukaran asing dari segi terjemahan (translation), transaksi (transaction) dan ekonomi? Bincang signifikan pendedahan tersebut kepada pengurus kewangan.

[20 markah]

---ooo000ooo---